



28 Julai 2011
28 July 2011
P.U. (A) 253

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PUSAT JAGAAN
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2011

*CARE CENTRES (COMPOUNDING OF OFFENCES)
REGULATIONS 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PUSAT JAGAAN 1993

**PERATURAN-PERATURAN PUSAT JAGAAN
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2011**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Kesalahan boleh kompaun
3. Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun
4. Penyampaian Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan
5. Pembayaran kompaun

JADUAL

AKTA PUSAT JAGAAN 1993

PERATURAN-PERATURAN PUSAT JAGAAN (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 21A dan seksyen 24 Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan (Pengkompaunan Kesalahan) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2011.

Kesalahan boleh kompaun

2. Semua kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun.

Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat oleh Ketua Pengarah dalam Borang 1 Jadual.

(2) Seseorang yang menyetuju terima tawaran untuk mengkompaun kesalahan hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompaun itu dengan menggunakan Borang 2 Jadual.

Penyampaian Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan

4. (1) Bagi maksud subperaturan 3(1), Ketua Pengarah hendaklah menyampaikan Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 1 Jadual kepada orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan kesalahan itu melalui cara yang berikut:

- (a) serahan sendiri;

(b) Resit Akuterima (A.R.) Pos Berdaftar kepada alamat terakhir yang diketahui; atau

(c) dengan menampal Notis itu di pusat jagaan yang mudah untuk dilihat.

(2) Jika Ketua Pengarah berpendapat bahawa adalah tidak praktikal untuk melaksanakan penyampaian Notis itu melalui cara yang dinyatakan dalam subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh menyampaikan Notis itu melalui apa-apa cara yang difikirkan patut.

(3) Penyampaian Notis di bawah perenggan 1(b) dan (c) dan subperaturan (2) ini hendaklah disifatkan sebagai serahan ke atas orang itu.

Pembayaran kompaun

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan boleh kompaun dibuat dan diterima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, apa-apa pembayaran kompaun hendaklah dibuat secara tunai atau melalui kiriman wang, wang pos, perintah juruwang, arahan bank, cek jurubank atau draf bank dibayar kepada Ketua Pengarah dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.

(2) Pembayaran kompaun hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berbayar dahulu ke alamat yang dinyatakan dalam Borang 1 Jadual.

(3) Suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap bayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

JADUAL

[Peraturan 3, 4 dan 5]

BORANG 1

AKTA PUSAT JAGAAN 1993

PERATURAN-PERATURAN PUSAT JAGAAN
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2011

[Subperaturan 3(1)]

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Apabila menjawab sila nyatakan:

Nombor rujukan:

Tarikh:

Kepada:

.....
.....
.....
.....

Tuan/Puan*,

Suatu pemeriksaan telah dijalankan dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta* dengan butir-butir yang berikut:

- (a) Peruntukan yang berkaitan di bawah Akta/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta*:

.....
.....
.....